

4.4 MAJLIS LUNCHEON TALK SEMPENA PENYERTAAN UMS KALI PERTAMA DALAM KONVENSYEN ICC MPC PERINGKAT SARAWAK & SABAH 2012

Disediakan oleh: Pn. Zainorah Matnoor, Penolong Pendaftar



Pada 6 Julai 2012, Majlis *Luncheon Talk* Naib Canselor, Prof. Dr. Mohd. Harun Abdullah bersama KIK UMS telah diadakan sempena penyertaan KIK UMS kali pertama ke Konvensyen ICC MPC Peringkat Sarawak dan Sabah 2012. KIK UMS terdiri daripada 2 kumpulan iaitu KIK Regiment dan KIK Eureka HRD Solution. Kedua-duanya adalah di kalangan kakitangan Jabatan Pendaftar.

Majlis ini diadakan adalah bertujuan untuk memberi ruang dan peluang kepada KIK UMS mendengar amanat daripada Naib Canselor di samping mempersembahkan projek KIK masing-masing sebelum bertolak ke Kuching, Sarawak. Sebelum amanat Naib Canselor bermula, En. Talib Abdullah Shani, Ketua Bahagian Pentadbiran dan Governan telah menyampaikan taklimat berkaitan aktiviti KIK di UMS dan selepas itu disusuli dengan ucapan alu-aluan oleh YBhg. Datuk Pendaftar.

KIK Regiment telah mempersembahkan projek KIK yang bertajuk "Proses Penerimaan Borang LNPT Mengambil Masa yang Panjang" manakala KIK Eureka HRD Solution pula mempersembahkan projek KIK yang bertajuk "Kelewatan Penghantaran Laporan Kemajuan Kakitangan Akademik yang Sedang Bercuti Belajar".